

BULETIN

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN



MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT

ANTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
DAN KLIA PROFESSIONAL & MANAGEMENT COLLEGE

06



Bengkel Pembangunan Program
Eksekutif dan Profesional

01



Mesyuarat JKPL
Bil. 2/2020

04



Jamuan Sempena Meraikan
Aidilfitri 1441H

05

Ikuti kami di media sosial



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my



07-453 7017/7954

PASUKAN REDAKSI

Penaung

Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin
Mohammad

Penasihat

Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Hisyam
Bin Mohd. Hashim

Penyelaras

En. Mohd Azam Bin Jainal

Editor

Pn. Noraizah Binti Wahab

Reka Grafik

Pn. Nurulhidayah Binti Basari

Fotografi

En. Muhammad Rashid Amran Bin
Zainudin

Sidang Redaksi

En. Mohamad Firdaus Bin Zaini
Pn. Elli Binti Jamaluddin
Pn. Nurul Ain Binti Juhari
Pn. Norhazirah Binti Kemin

ISI KANDUNGAN

1

- Taklimat Pembangunan Program Eksekutif dan Profesional UTHM
- Bengkel Pembangunan Program Eksekutif dan Profesional UTHM

2

- Mesyuarat Pengurusan CEC Bil.2/2020
- Mesyuarat Pentadbiran Staf Pejabat PNC (KK) Bil.1/2020

3

- Mesyuarat Pentadbiran Staf Pejabat PNC(KK) Bil.2/2020 dan Sesi Gotong-Royong
- Mesyuarat di antara UTHM dan KLIA College

4

- Mesyuarat antara UTHM dan JPDC
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar Bil. 2/2020

5

- Mesyuarat bersama Industri Minyak dan Gas
- Jamuan Sempena Meraikan Aidilfitri 1441H

6

- Bengkel Pemeraksanaan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Berterusan dan Latihan
- Majlis Menandatangani Surat Hasrat antara UTHM dan KLIA College



TAKLIMAT PEMBANGUNAN PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL UTHM

02 Mac 2020

Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM menganjurkan sesi taklimat berkaitan pembangunan Program Eksekutif dan Profesional UTHM pada 2 Mac 2020 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa. Seramai 30 orang staf akademik telah hadir mewakili Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD).

Sesi taklimat tersebut disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad; Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM berkaitan pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional UTHM, manakala Dr. Abul Khair Bin Anuar; Ketua Jabatan Pembangunan Program Akademik, Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD) berkaitan pembangunan kertas kerja untuk kelulusan Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL). Taklimat ini merupakan platform pemudahcara dalam menyampaikan informasi berkaitan pelaksanaan dan pembangunan Program Eksekutif dan Profesional UTHM.



BENGGEL PEMBANGUNAN PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL UTHM

12 - 14 Mac 2020


Bengkel Pembangunan Program Eksekutif dan Profesional UTHM yang diselenggarakan oleh CEC UTHM telah berlangsung pada 12 hingga 14 Mac 2020 bertempat di M-Suites Hotel, Johor Bahru. Seramai 37 orang staf akademik termasuk urusetia CEC UTHM telah hadir. Bengkel ini turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Ismail Bin Abdul Rahman; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan YBhg. Prof. Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff; Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan).

Objektif bengkel ini diadakan bertujuan untuk membangunkan program baharu bagi pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional tahun 2020 serta pembentangan kertas kerja untuk kelulusan Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL). Hasil bengkel tersebut terdapat 12 cadangan penawaran program baharu telah dibangunkan merangkumi peringkat Sarjana Eksekutif, Diploma Eksekutif dan Sijil Eksekutif.



MESYUARAT PENGURUSAN CEC BIL.2/2020 (SECARA DALAM TALIAN GOOGLE MEET)

20 April 2020




YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad; Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM telah mempengerusikan mesyuarat CEC bil. 2/2020 pada 20 April 2020. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua warga kerja CEC dan telah berlangsung selama 2 jam bermula 10 pagi. Mesyuarat tersebut julung kali diadakan secara dalam talian bertempat di kediaman masing-masing menggunakan kaedah Google Meet. Selain bertujuan untuk mengemaskini perkembangan laporan tugas staf sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), agenda mesyuarat ini juga untuk memperkasakan penggunaan workspace dalam pelaksanaan tugas staf serta mengemaskini perancangan aktiviti CEC dalam penjana pendapatan universiti menerusi tindakan pro-aktif pasca covid demi mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020.

MESYUARAT PENTADBIRAN STAF PEJABAT PNC (KK) BIL.1/2020 (SECARA DALAM TALIAN GOOGLE MEET)

22 April 2020

YBhg. Prof. Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff; Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) UTHM telah mempengerusikan Mesyuarat Pentadbiran Staf Pejabat PNC (KK) Bil.1/2020 pada 22 April 2020. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua warga kerja di bawah naungan PNC (KK) iaitu Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pusat Wakaf dan Endowmen (PWE) yang telah berlangsung bermula 10 pagi. Mesyuarat tersebut julung kali diadakan secara dalam talian bertempat di kediaman masing-masing menggunakan kaedah Google Meet. Selain bertujuan untuk mengemaskini perkembangan laporan tugas staf PNC (KK) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mesyuarat ini juga merupakan medium untuk memberikan taklimat berkaitan penggunaan Workspace dalam merekod projek dan mendokumentasikan tugas staf sepanjang menyelesaikan projek tersebut.



MESYUARAT PENTADBIRAN STAF PEJABAT PNC (KK) BIL.2/2020 DAN SESI GOTONG ROYONG

20 Mei 2020



YBhg. Prof. Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff; Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) UTHM telah mempengerusikan Mesyuarat Pentadbiran Staf Pejabat PNC (KK) Bil.2/2020 pada 20 Mei 2020. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua warga kerja di bawah naungan PNC (KK) iaitu Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pusat Wakaf dan Endowmen (PWE) yang telah berlangsung bermula 9.30 pagi. Mesyuarat diadakan di ruang legar pejabat dengan mematuhi *Standard Operation Procedure (S.O.P)* yang telah ditetapkan. Staf juga mengamalkan penjarakan sosial, menggunakan pelitup muka dan *hand sanitizer*. Usai mesyuarat, sesi gotong-royong menyusun atur ruang kerja staf telah diadakan dengan mengikut piawai yang dikeluarkan dan dipantau oleh Penyelaras Pusat Tanggungjawab mewakili Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) UTHM bagi memastikan usaha mengekang penularan wabak covid-19 ini berjaya.

MESYUARAT DI ANTARA UTHM DAN KLIA COLLEGE (SECARA DALAM TALIAN GOOGLE MEET)

03 Jun 2020



Mesyuarat di antara UTHM dan KLIA College telah berlangsung pada 3 Jun 2020 secara dalam talian bertempat di institusi masing-masing menggunakan kaedah Google Meet. Mesyuarat ini dihadiri oleh pihak KLIA College dan UTHM di mana UTHM diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Agenda mesyuarat tersebut bertujuan membincangkan beberapa cadangan oleh pihak KLIA College. Antaranya penawaran program *Master in Project Management (Construction)* dan *Master in Airport Planning & Design*. KLIA College juga berhasrat untuk membangunkan program Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara Pembelajaran Berterusan. KLIA College juga mencadangkan agar UTHM memberi peluang kepada alumni DipOSH untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di UTHM. Selain itu, KLIA College mencadangkan penawaran program/kursus kepada pelajar UTHM di peringkat Diploma Profesional/Sijil di dalam bidang Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.

MESYUARAT ANTARA UTHM DAN JPDC

14 Jun 2020

Mesyuarat perbincangan bagi pelaksanaan Program Skills In Oil & Gas (SoGA) telah berlangsung bertempat di Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) Tanjung Puteri, Johor pada 14 Jun 2020. Mesyuarat ini telah di hadiri oleh delegasi UTHM yang diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan juga UTHM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB). Program SoGA ini merupakan projek anjuran bersama Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui UTHM Holdings .Bhd. (Syarikat Milik Penuh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN PROGRAM LUAR BIL. 2/2020

17 Jun 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) Bil. 2/2020 telah dilaksanakan pada 17 Jun 2020. Agenda mesyuarat JKPPL ini merangkumi pembentangan kertas kerja bagi cadangan pelaksanaan penawaran program baharu, pengesahan markah penilaian pelajar program eksekutif dan lain-lain hal berkaitan perkembangan terkini penjana pendapatan CEC menerusi pelaksanaan program yang telah dilaksanakan sehingga Mei 2020.

MESYUARAT BERSAMA INDUSTRI MINYAK DAN GAS

18 Jun 2020

Mesyuarat yang berlangsung pada 18 Jun 2020 bertempat di CEC UTHM ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff; Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) UTHM. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan projek Human Capital Development bagi industri minyak & gas. Delegasi UTHM diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan UTHM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) manakala pihak industri pula dihadiri Fabtec Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. dan NAEC (M) Sdn. Bhd. Pihak UTHM melalui CEC UTHM akan membantu bagi pembangunan Kursus Jangka Panjang bagi memenuhi keperluan semasa industri minyak dan gas. Manakala penganjuran Kursus Pendek pula dikendalikan oleh UHSB. Pembangunan program/kursus tersebut juga akan melibatkan tenaga pakar industri yang berpengalaman dalam bidang minyak dan gas. Perbincangan projek Human Capital Development bagi industri minyak & gas ini adalah kerjasama antara UTHM bersama Fabtec Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. dan NAEC (M) Sdn. Bhd.



JAMUAN SEMPENA MERAIKAN AIDILFITRI 1441H

18 Jun 2020



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1441H telah berlangsung pada 18 Jun 2020 bertempat di Ruang Legar Pejabat Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan). Majlis ini dihadiri oleh kesemua warga kerja di bawah naungan Pejabat Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) iaitu Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pejabat Wakaf dan Endowmen. Sambutan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim di kalangan staf dan juga sesi bermaaf-maafan sempena Hari Raya Aidilfitri. Selain pelbagai juadah disediakan melalui aktiviti potluck, Kemeriahan sambutan diserikan lagi dengan bacaan selawat dan diiringi bacaan doa selamat sempena meraikan Hari Ulang Tahun Kelahiran Staf bagi bulan Januari hingga Jun 2020.

BENGKEL PEMERKASAAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN LATIHAN

29 Jun 2020



Pada 29 Jun 2020 bertempat di Bilik Seminar Pusat Pengajian Bahasa, UTHM telah berlangsungnya Bengkel Pemerksaan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Berterusan dan Latihan yang dihadiri oleh pihak pengurusan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan UTHM Education & Training (subsidiari UTHM Holdings Sdn. Bhd.). Bengkel ini merupakan platform pemudahcara bagi menyusun perancangan serta strategi dalam melaksanakan program-program berteraskan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di masa hadapan. Selain mengemaskini peranan bagi kedua-dua entiti, bengkel ini juga turut menyelaras semula peranan dan tanggungjawab masing-masing bukan sahaja dalam pelaksanaan program/kursus malah dalam ke semua aspek yang melibatkan pemasaran, operasi dan pentadbiran, kewangan serta pengurusan sumber manusia. Menerusi dapatan Bengkel Pemerksaan dan Pelaksanaan Program Pendidikan Berterusan dan Latihan ini maka satu kertas kerja berkaitan akan dikemukakan.

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT ANTARA UTHM DAN KLIA COLLEGE

30 Jun 2020



Majlis menandatangani surat hasrat di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan KLIA Professional & Management College telah berlangsung pada 30 Jun 2020 bertempat di Bilik Seminar Pusat Pengajian Bahasa, UTHM. Sesi menandatangani surat hasrat ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Wan Fauziah binti Wan Yusoff; Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) UTHM dan Mejar Ir. Ts. Hj. Kamarulzaman Hj. Musa (Bersara); Ketua Eksekutif KLIA College. Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) turut hadir mewakili pihak UTHM bagi membincangkan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pihak KLIA College iaitu penawaran Program Ijazah Sarjana secara separuh masa dan lain-lain program peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Profesional/Sijil. Perbincangan lanjut berkaitan pelaksanaan akan diperincikan dari masa ke masa untuk memastikan ianya dapat direalisasikan.

PROGRAM SARJANA (MASTER) SECARA SEPARUH MASA

Sarjana
Kejuruteraan Awam
(MQA/FA5870)

Sarjana
Kejuruteraan Elektrik
(MQA/FA5858)

Sarjana
Kejuruteraan Mekanikal
(MQA/FA5861)

Sarjana Pendidikan Teknik dan
Vokasional
(MQA/FA5855)

Sarjana Pendidikan Teknikal
(Rekabentuk Instruksional
dan Teknologi)
(MQA/FA5854)

Sarjana Pendidikan Teknikal
(Kejuruteraan Awam)
(MQA/FA5852)

Sarjana Pendidikan Teknikal
(Kejuruteraan Elektrik)
(MQA/FA5851)

Sarjana Pendidikan Teknikal
(Kejuruteraan Mekanikal)
(MQA/FA5853)

Sarjana Sains Pengurusan
Teknologi Pembinaan
(MQA/FA0087)

Sarjana Sains
Kejuruteraan Pengangkutan Rel
(MQA/FA1538)

Sarjana
Pentadbiran Perniagaan
(MQA/FA10711)

**PENGAMBILAN PADA
FEBRUARI DAN OKTOBER**

Ikuti kami di media sosial :



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my



07-453 7017/7954

PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL

1

**Diploma Eksekutif
Imam Profesional**

(Kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Johor)

2

**Diploma Eksekutif
Penerbangan Profesional**

(Kerjasama dengan Asia Aeronautical Training Academy)

3

**Diploma Profesional
Operasi Loji Proses**

(Kerjasama dengan ThinkPlus Consulting Sdn. Bhd.)

4

**Diploma Eksekutif
Pengurusan Fasiliti**

5

**Diploma Eksekutif
Pengurusan Hospitaliti**

6

**Sarjana Eksekutif
Pengurusan Penerbangan**

7

**Sarjana Eksekutif Objek
Rangkaian Internet (IoT)**

Ikuti kami di media sosial :



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my



07-453 7017/7954